Nama:…… Tingkatan: 6……

No. Kad Pengenalan :…… No. Pusat/ AG:……...

910/1

PERCUBAAN STPM 2018

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

(Dua jam)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(Malaysia Higher School Certificate)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian A. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

Jawab semua **soalan** *dalam Bahagian B. Tulis jawapan dalam helaian yang disediakan.*

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan, tetapi hanya* **satu** *jawapan pertama yang akan diperiksa. Tulis jawapan dalam helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baharu.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A:	
Bahagian B:	
Soalan 21	
Soalan 22	
Soalan 23	
Soalan 24	
Bahagian C:	
Soalan 25	
Soalan 26	
Soalan 27	
JUMLAH	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A [20 markah]

1 Yang manakah padanan yang betul bagi cabang bahasa dan contoh bahasa dalam rumpun bahasa Austronesia?

	Cabang bahasa	*Contoh bahasa*
A	Polinesia	Tahiti, Tonga dan Karolina
B	Melanesia	New Guinea, Bali dan Jawa
C	Nusantara	Sulu, Lubu dan Sumbawa
D	Mikronesia	Bisaya, Maori dan Gilbert

2 Pernyataan yang berikut benar tentang batu-batu bersurat di Sumatera ***kecuali***

I Batu Bersurat Talang Tuwo yang bertarikh 683M menggunakan tulisan Palava.

II Batu Bersurat Karang Brahi menceritakan kemaraan angkatan tentera Sriwijaya yang melalui jalan laut dan jalan darat.

III Batu Bersurat Karang Brahi mempunyai kandungan yang lebih kurang sama dengan Batu Bersurat Kota Kapur.

IV Batu Bersurat Kedukan Bukit dijumpai di kaki Bukit Seguntang.

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

3 Yang manakah pernyataan yang benar tentang ciri-ciri bahasa Melayu kuno ?

A Tiada bunyi vokal e-taling

B Konsonan /n/ menjadi /ŋ/ dalam bahasa Melayu moden

C Konsonan /v/ menjadi konsonan /b/ dalam bahasa Melayu moden

D Terdapat bunyi konsonan yang dihasilkan dan dieja dengan aspirasi atau hembusan

4 Adapun Sang Nila Utama dengan segala menteri, pegawai, dan rakyat pergi berburu. Maka terlalulah banyak beroleh perburuan. Hatta maka lalu seekor rusa di hadapan Sang Nila Utama, maka ditikam baginda sekali lagi, kena rusuknya, terus lalu mati. Maka Sang Nila Utama datang pada suatu batu, terlalu besar dengan tingginya, maka baginda naik ke atas batu itu memandang ke seberang. Pasirnya terlalu putih seperti kain terhampar. Maka baginda pun bertanya pada Indera Bupala , "Pasir yang kelihatan itu tanah mana?" Maka sembah Indera Bupala, "Itulah ujung tanah besar, Temasik namanya." Maka titah Sang Nila Utama, "Mari kita pergi ke sana."

(Disesuaikan daripada Sejarah Melayu)

Petikan di atas memperlihatkan ciri bahasa Melayu klasik yang berikut **kecuali** penggunaan


A ayat pasif

B ayat songsang

C kata pangkal ayat

D kosa kata bahasa istana

5



Yang manakah yang boleh ditempatkan pada P dan Q?

	P	*Q*
A	Banyak meminjam kosa kata bahasa Arab	Bahasa yang digunakan antara abad ke -14 hingga awal abad ke-20.
B	Menggunakan tulisan Palava	Bahasa yang digunakan pada batu bersurat Talang Tuwo
C	Antara kosa katanya ialah dhuka dan tathapi	Ayatnya meleret-leret
D	Ada unsur pengaruh bahasa Inggeris	Menggunakan tulisan Kawi dan Rencong

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

"Andai ibu tiada, peliharalah dusun pusaka ini. Ini tanah pembelian ayah. Tanah ini subur dengan aneka pohon. Pohon buah-buahan tumbuh membesar dari tahun ke tahun. Ibu bimbang ada cucu dan cicit ibu tidak dapat merasai keenakan buah-buahan tempatan yang masak ranum di celah dahan," pesan ibu.

Kami adik-beradik yang berada di sekeliling ibu hanya mendengar setiap bait kata ibu.

"Imran, Ilham, Izrina, dan Iznisa perlulah hindari perasaan hasad dengki dalam diri. Perasaan negatif itu boleh memusnahkan hubungan kekeluargaan. Peliharalah keharmonian dan kestabilan hubungan keluarga kita. Bersatu padulah. Ibu tidak mahu ada dalam kalangan kita yang *menjadi dalang* dan menghasut ahli keluarga dengan menggunakan tipu muslihat. Pastikan fikiran dan nurani kita tidak dijajah." Tambah ibu.

Mulut kami terlopong. Tiada kata-kata. Hairan.

"Fikiran dijajah?" tanya Iznisa.

Wajah ibu yang kekal anggun jelita pada usia 56 tahun kami renungi. "Akal, hati dan jiwa ialah anugerah Tuhan. Isikanlah akal, hati dan jiwa kita dengan jati diri yang mulia dan budi yang tinggi. Berakhlaklah dengan luhur, beramallah dengan rukun kebaikan, dan bertuturlah dengan bahasa yang santun. Jika kamu berbuat begitu, nescaya kamu terhindar daripada penjajahan fikiran," jelas ibu.

Saat keluarga kami menjalani rukun kehidupan seharian dengan sifat saling memahami dan bertolak ansur, terdengar bisik halus di telinga ibu tentang khabar yang tidak enak. Kami sekeluarga hidup dengan penuh pancaroba sejak kematian ayah. Ada segelintir ipar duai cuba mempertikaikan cara ibu memiliki dusun pusaka itu. Mereka kata, ibu memalsukan dokumen, tidak mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa. Ibu haloba. Sebenarnya, pada wajah mereka, ada agenda yang tersembunyi. Ibu tidak melatah. Ketika tuduhan tersebar, ibu sentiasa berdoa agar diberikan petunjuk. Dulu, ibu pernah *berhadapan dengan kemelut paling sukar*. Berlinangan air matanya kerana terpaksa melepaskan tanah lain peninggalan ayah yang paling berharga di bahagian selatan. Ibu tiada pilihan.

"Sebagai ibu kandung dan ketua keluarga, ibu hanya mahu kamu melihat cabaran pada masa depan. Ada musuh dan petualang di sekeliling kita yang cuba memusnahkan keutuhan hubungan keluarga kita. Sejarah tentang kehilangan tanah pusaka di bahagian selatan seharusnya menjadi iktibar kepada kamu adik beradik, dan yang pasti, ibu tak mahu tanah pusaka yang ada ini menerima nasib yang sama." Wajah ibu tenang.

(Disesuaikan daripada *Hikayat Pesan Ibu,* Mingguan Malaysia 27 Ogos 2017)

21 Berdasarkan petikan berkenaan, jelaskan maksud frasa.

(i) ... *menjadi dalang*.... (baris 9 - 10) [2]

(ii) ... *berhadapan dengan kemelut paling sukar*... (baris 25) [2]

22 Mengapakah ibu meminta anak-anaknya menjaga tanah pusaka? [3]

23 Apakah petua yang diberikan ibu agar anak-anak dapat mengelakkan diri daripada penjajahan fikiran? [3]

24

> "*Sebagai ibu kandung dan ketua keluarga, ibu hanya mahu kamu melihat cabaran pada masa depan*."
>
> (Baris 27 – 28)

Setiap manusia, termasuklah pelajar pasti menghadapi cabaran dalam kehidupan. Sebagai pelajar, bincangkan cara yang dapat anda lakukan untuk mengatasi cabaran dalam aspek pembelajaran di sekolah. Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

[20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis **sebuah** *karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

25 Amalan pemakanan yang tidak sihat merupakan punca penyakit kronik. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?

26 Masyarakat di Malaysia kini semakin gemar melancong ke luar negara. Hal ini sedikit sebanyak akan menjejaskan sektor pelancongan tempatan. Cadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi menggalakkan rakyat melancong di dalam negara.

27 Isu kenaikan harga barang dan perkhidmatan kini menjadi isu hangat dan sering menjadi rungutan pengguna, terutamanya pengguna yang berpendapatan rendah. Huraikan kesan negatif yang timbul akibat kenaikan harga barang dan perkhidmatan di negara kita.

Skema Jawapan Peperiksaan Percubaan
Bahasa Melayu (910/1) P1 2018
Negeri Selangor

Bahagian A:

1	C	11	A
2	B	12	B
3	D	13	C
4	B	14	D
5	A	15	B
6	A	16	C
7	D	17	A
8	C	18	D
9	B	19	B
10	D	20	C

Bahagian B

21 Berdasarkan petikan berkenaan, jelaskan maksud frasa.

Skema jawapan

(i) ... *menjadi dalang*.... (baris 9 - 10) [2]

- menjadi orang/pihak yang mengatur agenda/ tindakan [1] secara sembunyi/ rahsia [1]

(ii) ... *berhadapan dengan kemelut paling sukar*... (baris 25) [2]

- menghadapi masalah/ keadaan/ krisis [1] yang amat menyusahkan kehidupan [1]

22 Mengapakah ibu meminta anak-anaknya menjaga tanah pusaka? [3]

Skema jawapan – setiap isi= 1m. Terima mana-mana 3 jawapan.

- Tanah subur dengan aneka pohon
- Tanah itu pembelian ayah
- Pohon buah-buahan tumbuh membesar seetiap tahun.
- Ibu bimbang ada cucu dan cicit ibu tidak dapat merasai keenakan buah-buahan tempatan yang masak ranum di celah dahan

23 Apakah petua yang diberikan ibu agar anak-anak dapat mengelakkan diri daripada penjajahan fikiran? [3]

Skema jawapan – setiap isi= 1m. Terima mana-mana 3 jawapan.

- Isikanlah akal, hati dan jiwa kita dengan jati diri yang mulia dan budi yang tinggi.
- Berakhlaklah dengan luhur
- Beramallah dengan rukun kebaikan, dan
- Bertuturlah dengan bahasa yang santun.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta